

PARLIMEN - MAHATHIR '84

1984

KUALA LUMPUR, 9 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI D R MAHATHIR MOHAMAD YAKIN PENTADBIRAN NEGARA TIDAK AKAN TERGANGGU LAGI OLEH KERAGUAN TENTANG PENGGUNAAN SYARAT PERKENAN OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG UNTUK MENOLAK KEPUTUSAN PARLIMEN DENGAN LULUSNYA RANG UNDANG-UNDANG PINDAAN PERLEMBAGAAN 1984.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN JUGA YAKIN BAHAWA PERISTIWA ISU PERLEMBAGAAN AKIBAT KERAGUAN ITU YANG BERLAKU BEBERAPA BULAN LEPAS TIDAK AKAN BERULANG.

BERUCAP MEMBENTANGKAN RANG WNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1994, BELIAU BERKATA PINDAAN ITU MEMBERI JALAN YANG TERANG UNTUK MENGATASI APA-APA KEBUNTUAN SEKIRANYA SERI PADUKA TIDAK BERSETUJU DENGAN APA-APA UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN.

INI TERTAELUK KEPADA PERUNTUKAN-PERUNTUKAN LAIN DALAM PERLEMBAGAAN YANG MENENTUKAN KUASA MENGIKUT BUDI BICARA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN MAJLIS RAJA-RAJA, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MENGIKUT PERUNTUKAN ASAL PERKARA 66 (5) PERLEMBAGAAN, PARLIMEN TIDAK TERDAYA MENGAMBIL APA-APA LANGKAH YANG DIASASKAN KEPADA PERLEMBAGAAN BAGI MENGATASI KEENGGANAN YANG DI-PERTUAN AGONG MEMPERKENANKAN MANA-MANA UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN. -- LACE 1610/II

PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA PINDAAN BARU ITU JUGA MEMBOLEHKAN TEGURAN OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG TERHADAP SEBUAH RANG UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN.

INI BERMAKNA BAHAWA TEGURAN YANG DI-PERTUAN AGONG AKAN DIBAHAS DALAM PARLIMEN, SUATU PERKARA YANG TIDAK PERNAH DILAKUKAN OLEH PARLIMEN, KATANYA.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MENINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN WALAUPUN TIDAK ADA LARANGAN TERUS MENGENAI TEGURAN SECARA TERTENTU TERHADAP YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA-RAJA TETAPI MENGIKUT ADAT DAN TRADISI, MEREKA DAN ANGGOTA-ANGGOTA DEWAN NEGERI TIDAK PERNAH MELIBATKAN YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA-RAJA DALAM PERBAHASAN ATAU PUN UCAPAN-UCAPAN LAIN.

-- LAGI 1637/LK